

**INTERNATIONAL JOURNAL OF
EDUCATION, PSYCHOLOGY
AND COUNSELLING
(IJEPC)**<https://gaexcellence.com/ijepe>**NILAI DAN AKHLAK DALAM PEMBENTUKAN JATI DIRI
MUSLIM PELAJAR PINTAR DAN BERBAKAT***VALUES AND MORAL ETHICS IN THE FORMATION OF MUSLIM
IDENTITY AMONG GIFTED AND TALENTED STUDENTS*Che Suriani Kiflee^{1*}, Siti Aishah Hassan², Nor Farhah Razak³¹Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia suees@ukm.edu.my <https://orcid.org/0009-0002-6332-1701>²Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia s.aishah@ukm.edu.my <https://orcid.org/0000-0003-1152-0418>³Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia nfarhah@ukm.edu.my <https://orcid.org/0000-0001-8085-5356>

*Corresponding Author

Article Info:**Article history:**

Received date: 20.01.2026

Revised date: 04.02.2026

Accepted date: 26.02.2026

Published date: 17.03.2026

To cite this document:

Kiflee, C. S., Hassan. S. A., & Razak, N. F. (2026). Nilai Dan Akhlak Dalam Pembentukan Jati Diri Muslim Pelajar Pintar Dan Berbakat. *International Journal of Education, Psychology and Counselling*, 11(62), 1010-1024.

DOI: 10.35631/IJEPC.1162059**Abstrak:**

Kajian ini bertujuan meneliti peranan nilai dan akhlak dalam pembentukan jati diri Muslim dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat (PPB). Seramai 50 orang PPB dari Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kampus Bangi terlibat sebagai sampel kajian. Data dikumpulkan melalui soal selidik merangkumi kefahaman nilai dan akhlak Islam serta pembentukan jati diri Muslim, dan dianalisis menggunakan statistik deskriptif (min dan sisihan piawai) melalui perisian SPSS. Dapatan kajian menunjukkan tahap kefahaman nilai Islam berada pada tahap persetujuan yang sangat tinggi ($M = 4.69$, $SP = 0.47$), manakala kefahaman nilai akhlak berada pada tahap persetujuan yang tinggi ($M = 4.38$, $SP = 0.71$). Pembentukan jati diri Muslim PPB juga mencatatkan tahap persetujuan yang sangat tinggi ($M = 4.68$, $SP = 0.58$). Secara keseluruhan kajian ini membuktikan bahawa nilai dan akhlak memainkan peranan penting dalam pembentukan jati diri Muslim pelajar pintar dan berbakat.

Kata Kunci:

Akhlak, Jati Diri, Nilai, Pelajar Pintar dan Berbakat.

Abstract:

This study aims to examine the role of values and morals in the formation of Muslim identity among gifted and talented students (GTS). A total of 50 GTS from Kolej PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Bangi Campus, were involved as the study sample. Data were collected through a questionnaire measuring the understanding of Islamic values, Islamic morals, and the formation of Muslim identity, and were analysed using descriptive statistics (mean and standard deviation) through SPSS software. The findings indicate that the level of understanding of Islamic values among GTS is at a very high level of agreement ($M = 4.69$, $SD = 0.47$), while the understanding of Islamic morals is at a high level of agreement ($M = 4.38$, $SD = 0.71$). The formation of Muslim identity among GTS also recorded a very high level of agreement ($M = 4.68$, $SD = 0.58$). Overall, the results of this study indicate that values and morals play an important role in shaping the Muslim identity of gifted and talented students.

Keyword:

Gifted And Talented Students, Morals, Muslim Identity, Values.



© The authors (2026). This is an Open Access article distributed under the terms of the Creative Commons Attribution (CC BY NC) (<http://creativecommons.org/licenses/by-nc/4.0/>), which permits non-commercial re-use, distribution, and reproduction in any medium, provided the original work is properly cited. For commercial re-use, please contact ijepe@gaexcellence.com

Pengenalan

Pembentukan sebuah negara maju bukan sahaja diukur melalui pembangunan material, tetapi juga melalui keupayaan membangunkan nilai, pemikiran, dan sahsiah rakyat secara menyeluruh. Mohd Ridhuan (2007) menegaskan bahawa sistem pendidikan yang mantap dan berkesan menjadi kriteria utama untuk mencapai status negara maju, kerana ia membentuk tingkah laku dan nilai insan. Pembangunan insan adalah proses holistik yang meliputi aspek jasmani, emosi, rohani, fizikal, intelektual, dan sosial bagi kepentingan duniawi dan ukhrawi. Usaha ini memerlukan konsistensi dan kesinambungan untuk memastikan potensi setiap individu dapat diterokai dan dikembangkan sepenuhnya.

Melalui pendekatan pendidikan, akhlak dilihat sebagai satu perkara yang sangat penting terutamanya dalam membina generasi muda di sekolah. Daripada kajian-kajian yang lalu menunjukkan bahawasanya pendidikan akhlak telah banyak dijalankan kajian-kajian mengenainya di sekolah Ab Halim Tamuri dan Ahmad Munawar Ismail (2021), Sekolah-sekolah di Malaysia telah menerapkan pendidikan akhlak sejak dahulu lagi namun begitu secara umum sahaja. Usaha-usaha ke arah penekanan kepada pendidikan akhlak perlu dipertingkatkan lagi menjadi lebih kukuh kepada generasi anak terutamanya di sekolah.

Sehubungan itu, proses pendidikan itu secara langsung merupakan kitaran hayat insan yang saling memperlengkap dengan seluruh sistem yang wujud di persekitaran sosialnya. Justeru itu dengan pendidikan, seseorang akan terdidik dengan sifat-sifat kemanusiaannya. Azhar Hj. Wahid dan Zawawi Jahya (2009) menyatakan bahawa pendidikan secara umumnya ialah perubahan ke arah menjadi insan yang baik atau menjadi manusia yang baik sekali gus beradab.

Apabila kita memperihalkan tentang pendidikan dalam pengertian yang luas ruang lingkupnya, sebenarnya kita secara langsung atau secara tidak langsung membicarakan soal perubahan sekali gus membicarakan agenda pembinaan akhlak dan seluruh kelompok yang termasuk dalam kerangka pendidikan itu. Dengan itu tujuan dan matlamat pendidikan adalah bagi melahirkan insan sempurna (Ahmad Mohd. Salleh, (2008), Ghazali Darusalam (2004), Hassan Langgulung, (1991) dan Tajul Ariffin Noordin, (1993)) seperti yang dijelaskan dalam al-Quran surah al-Tin: 4 yang bermaksud: “Sesungguhnya kami telah menjadikan manusia dengan sebaik-baik kejadian.” Manusia adalah makhluk paling istimewa yang dicipta oleh Allah s.w.t. Menurut Tajul Ariffin Noordin dan Nor ‘Aini Dan (2002) manusia sebagai insan disempurnakan sifatnya dengan anugerah akal, potensi pembelajaran dan kemahiran untuk memahami dan menguasai ilmu.

Seterusnya pembangunan nilai dan akhlak merupakan komponen penting dalam melahirkan modal insan berkualiti dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat, memandangkan kelompok ini bukan sahaja memiliki keupayaan kognitif yang tinggi, malah berpotensi menjadi pemimpin dan pembuat keputusan pada masa hadapan. Pelajar pintar dan berbakat memerlukan bimbingan nilai dan akhlak yang sistematik bagi memastikan kecerdasan intelek yang dimiliki selari dengan pembentukan sahsiah, integriti dan tanggungjawab sosial Othman, Suhid, & Roslan, (2015). Tanpa penerapan nilai yang seimbang, kecemerlangan akademik semata-mata tidak mencukupi untuk melahirkan modal insan yang holistik.

Dalam konteks pendidikan, penerapan nilai dan akhlak dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat membantu membentuk keupayaan membuat pertimbangan moral yang matang, empati sosial serta kawalan sendiri yang tinggi. Kajian menunjukkan bahawa pembangunan moral mempunyai hubungan positif dengan pencapaian akademik, motivasi pembelajaran dan tingkah laku pelajar, termasuk dalam kalangan pelajar berkeupayaan tinggi (Relationship Between Students’ Moral Development and their Academic Achievement, 2024). Hal ini menunjukkan bahawa kecerdasan moral berperanan sebagai pelengkap kepada kecerdasan intelek dalam membentuk modal insan yang berdaya saing dan beretika.

Seiring dengan aspirasi pendidikan abad ke-21, pembangunan nilai dan akhlak dalam pendidikan pelajar pintar dan berbakat perlu diintegrasikan secara terancang melalui kurikulum, pedagogi dan persekitaran pembelajaran yang mencabar minda serta membina kesedaran etika. Pendekatan ini penting bagi memastikan pelajar pintar dan berbakat bukan sahaja cemerlang dari segi akademik, tetapi juga memiliki keupayaan kepimpinan berasaskan nilai, selari dengan matlamat pembangunan modal insan yang mampan dan berintegriti (Abdul Hatim, Sahad, & Mohamad Rasit (2020) dan Lassoued, (2025)).

Pernyataan Masalah

Dalam landskap pendidikan masa kini, pelajar pintar dan berbakat sering diberikan penekanan yang tinggi terhadap pencapaian akademik, kecerdasan intelektual dan potensi kepimpinan masa depan. Walau bagaimanapun, fokus yang terlalu menumpukan kepada kecemerlangan kognitif berpotensi menyebabkan aspek pembentukan nilai, akhlak dan jati diri Muslim kurang diberi perhatian secara menyeluruh dan terancang. Keadaan ini menimbulkan kebimbangan terhadap keseimbangan pembangunan PPB sebagai insan yang holistik, bukan sahaja cemerlang dari segi intelek tetapi juga mantap dari sudut sahsiah dan keagamaan.

Selain itu, walaupun terdapat banyak kajian mengenai pendidikan nilai, akhlak dan pembentukan jati diri pelajar secara umum, kajian yang memberi tumpuan khusus kepada pembentukan jati diri Muslim dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat masih terhad, khususnya dalam konteks pendidikan di Malaysia. Kebanyakan kajian terdahulu menumpukan kepada pelajar arus perdana atau aspek akademik semata-mata, tanpa mengintegrasikan dimensi akhlak dan identiti Muslim secara menyeluruh. Oleh itu, kajian lanjut perlu dijalankan bagi meneroka pendekatan pendidikan nilai dan akhlak yang berkesan dalam membentuk jati diri Muslim pelajar pintar dan berbakat secara holistik.

Nilai dan Akhlak Dalam Perspektif Islam

Konsep Nilai Dalam Islam

Menurut al-Ghazali (1998) dalam *Ihya' Ulum al-Din*, nilai berkait rapat dengan penyucian jiwa (*tazkiyah al-nafs*) dan pembangunan sahsiah. Nilai moral yang benar akan membentuk manusia yang jujur, amanah, adil, bertanggungjawab dan ihsan dalam setiap aspek kehidupan. Ibn Miskawayh (1968) juga menekankan bahawa nilai dan akhlak terbentuk melalui proses pendidikan dan pembiasaan berulang, sehingga menjadi sifat tetap dalam diri individu. Othman, Suhid dan Roslan (2015) menegaskan bahawa penghayatan nilai murni dalam pendidikan Islam bukan sahaja membentuk tingkah laku luaran, tetapi menginternalisasi keperibadian dan jati diri yang positif. Pendidikan nilai dalam Islam bertujuan memastikan bahawa pelajar tidak hanya cemerlang dari segi intelek, tetapi juga seimbang dari segi rohani, moral dan sosial, selari dengan konsep pendidikan holistik Islam.

Di samping itu, kajian yang dijalankan oleh Abdul Hatim, Sahad dan Mohamad Rasit (2020) mendapati bahawa penerapan nilai dan akhlak melalui aktiviti pendidikan formal dan tidak formal, seperti kurikulum dan program kerohanian, dapat memperkukuh penghayatan akhlak pelajar. Pendekatan ini memberi ruang kepada pelajar untuk menghayati dan mempraktikkan nilai Islam dalam konteks kehidupan sebenar, sekali gus menyumbang kepada pembentukan jati diri Muslim yang lebih mantap dan konsisten.

Kajian Abd Rahim Abd Rashid (2001) juga ada menjelaskan bahawa nilai yang terkandung dalam pendidikan seharusnya dapat dikembangkan sebagai proses penghayatan. Penghayatan dapat difahami sebagai sesuatu perkara yang menjadi amalan atau tabiat dalam amalan seharian Nik Azis Nik Pa, (2007). Konsisten dengan pernyataan ini, Mohamad Khairi Othman (2013) menjelaskan bahawa penghayatan nilai merupakan suatu tingkah laku yang sudah sebatih dalam diri seseorang dan dilakukan secara berterusan. Ia lahir bukan akibat tekanan emosi atau desakan luar seperti paksaan tetapi ia muncul daripada aspek kejiwaan.

Seandainya nilai-nilai murni tidak dihayati, maka berlaku pelbagai keburukan dan kezaliman kesan daripada penyalahgunaan kepintaran, kemahiran, kedudukan atau kekayaan yang dimiliki. Sehubungan itu, penghayatan nilai murni adalah sangat penting dalam membentuk masyarakat yang membangun dan bertamadun secara holistik. Secara tidak langsung dapat melahirkan masyarakat yang berfikir kelas pertama dalam pembangunan modal insan sebagaimana yang diharapkan. Jelaslah di sini nilai dalam Islam berfungsi sebagai penyaring tingkah laku, memandu tindakan manusia agar selaras dengan etika, moral dan syariah. Ia bukan sekadar pengetahuan teori, tetapi perlu dihayati dan diamalkan dalam kehidupan seharian. Hal ini menegaskan bahawa nilai merupakan teras pembentukan akhlak dan jati diri Muslim.

Konsep Akhlak Dalam Islam

Akhlak adalah kata nama yang bersifat jama atau plural berasal dari perkataan khuluq. Khuluq adalah bermaksud peribadi semulajadi. Akhlak juga bermaksud moral atau etika yang mempunyai maksud yang baik. Menurut kamus Lisan al-Arab akhlak bermaksud watak atau tabiat Husin, (2011). Akhlak juga bermaksud keadaan dalam diri yang darinya terbit pelbagai tingkah laku sama ada yang baik atau buruk tanpa perlu berfikir untuk melakukannya Mohd Khairi Shafie & Mohamad Khairi Othman (2016).

Menurut al-Ghazali, lebih merujuk kepada 'keadaan' atau 'suasana' dalam jiwa seseorang, bukannya lakonan perbuatan yang terpamer pada permukaan diri pelakunya. Akhlak Islam adalah satu sifat yang bersemadi dalam jiwa seseorang individu, daripada situ akan terbit pula pertimbangan dari seseorang untuk bertindak sama ada perkara itu baik atau buruk. Al-Ghazali membuat kesimpulan bahawa akhlak adalah suatu keadaan yang tetap dalam diri atau jiwa yang melahirkan tindakan, perlakuan, atau perilaku amalan dengan mudah tanpa memerlukan pemikiran. Ia merupakan suatu keadaan atau sifat yang ada di dalam diri atau jiwa Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman: (2016). Miskawayh berpandangan bahawa akhlak boleh dikawal dan dibentuk. Sekiranya ianya tidak boleh dibentuk maka syariat, kenabian, latihan, disiplin, nasihat, sekolah, undang-undang dan sebagainya tidak berguna lagi Nasarudin et al. (2018).

Selain itu, akhlak bukan sekadar norma sosial, tetapi merupakan manifestasi nilai moral yang berakar umbi dalam ajaran al-Quran dan sunnah, yang memandu individu untuk sentiasa bertindak dengan ihsan (kebaikan dan kecemerlangan moral) dalam segala aspek kehidupan. Kajian semasa menegaskan bahawa pendidikan akhlak adalah asas dalam sistem pendidikan Islam kerana Rasulullah SAW telah diutus untuk menyempurnakan akhlak manusia. Oleh itu, akhlak dilihat sebagai inti kepada pembentukan insan yang mulia dan seimbang dari segi rohani serta sosial Mohd Saiful Akmal Karim, Ahmad Sunawari & Faudzinain Badaruddin, (2025).

Begitu juga penekanan kepada akhlak yang baik turut diberikan penekan yang lebih khususnya dalam pendidikan pintar dan berbakat. Mereka ini memiliki tahap kecerdasan intelektual luar biasa yang perlu disertai dengan nilai moral dan spiritual yang mantap agar potensi mereka dapat dimanfaatkan secara seimbang dan beretika. PPB bukan sahaja memerlukan pengayaan akademik, tetapi juga bimbingan akhlak untuk memastikan kecemerlangan mereka tidak membawa kepada sifat ego, sombong, riak atau individualistik, yang boleh menjejaskan keseimbangan sahsiah dan hubungan sosial mereka. Menurut kajian yang dijalankan oleh Zakaria et al., (2023) gabungan antara ilmu naqli (ukhrawi) dan aqli (duniawi) mengiktiraf kepentingan kedua-dua aspek pengajaran agama dan ilmu duniawi dalam pembangunan holistik individu. Ini bagi memastikan pelajar menerima pendidikan yang seimbang dan menyeluruh yang merangkumi perkembangan intelektual, rohani, serta moral mereka.

Sehubungan itu, makna nilai dan akhlak yang telah dinyatakan keduanya merupakan teras utama dalam pendidikan Islam yang bertujuan membentuk insan seimbang dari segi jasmani, emosi, rohani dan intelek. Akhlak dalam Islam merujuk kepada tingkah laku yang lahir daripada keimanan dan kefahaman terhadap ajaran al-Quran dan al-Sunnah, manakala nilai pula berfungsi sebagai panduan dalam menentukan tindakan yang betul dan beretika. Othman, Suhid dan Roslan (2015) menegaskan bahawa penghayatan nilai murni dalam pendidikan mampu membentuk sahsiah pelajar serta menjadi asas kepada pembentukan identiti diri yang

positif. Oleh itu, nilai dan akhlak tidak boleh dipisahkan daripada proses pendidikan, khususnya dalam membina jati diri Muslim.

Pembentukan Jati Diri Muslim

Jati diri dalam Islam adalah keperibadian seseorang yang dibangunkan berasaskan penghayatan dan pengamalan ajaran Islam. Menurut Stapa et.al (2012), kaedah berkesan bagi meningkatkan kekuatan jati diri remaja adalah dengan mengembalikan mereka kepada penghayatan agama yang sebenar berdasarkan kepada asas-asas pendidikan al-Quran dan al-Sunnah. Jati diri murid merupakan elemen yang penting untuk membina daya tahan, kekuatan jiwa, membentuk pemikiran dan karakter, memenuhi individu yang manusiawi, berpendirian tegas, stabil serta tidak goyah dengan pelbagai cabaran. Ini kerana, masa remaja adalah waktunya untuk memperkayakan diri dengan pembangunan identiti (Andre, 2020). Dengan menerima identiti Islam maka seluruh landasan dan asas kebudayaan masyarakat akan berubah sesuai dengan akidah Islam. Segala bentuk budaya dan sistem kemasyarakatan dibangunkan atas tuntutan akidah sehingga mencapai suatu identifikasi atau jati diri yang unggul berteraskan Islam.

Selain itu, jati diri juga ialah sifat, ciri atau nilai-nilai murni peribadi yang kekal dan stabil, tidak akan berubah atau payah untuk berubah seperti sifat bercakap benar, amanah dalam urusan, menyampaikan maklumat secara bijak, bersih dan jujur Sabaryah@Sabariah et al., (2013). Sifat jati diri perlu diasuh dan ditanam dalam diri setiap insan semenjak awal kelahiran dan ia boleh dipupuk dari zaman bayi, kanak-kanak, remaja dan ia akan membuahkan hasil ketika menginjak usia dewasa Zaiton Mohamad, (2012).

Dalam perkembangan pendidikan kini jati diri dilihat sebagai sesuatu yang sangat penting di dalam diri seseorang pelajar termasuklah kepada pelajar pintar dan berbakat. Ini jika dilihat keberhasilan jati diri yang ditonjolkan akan membawa kepada keperibadian seseorang melalui tingkah laku yang ditunjukkan. Namun pelaksanaan tanggungjawab membentuk jati diri remaja memerlukan panduan dalam pelaksanaan bimbingan terhadap mereka bagi memantapkan jati diri. Bagi persektif PPB mereka yang tergolong dalam golongan yang berintelektual tinggi seringkali berada dalam persekitaran yang berintensiti tinggi, baik dari segi akademik, sosial, mahupun emosi. Mereka bukan sahaja memikul harapan yang besar daripada keluarga dan institusi, malah turut berhadapan dengan pengaruh globalisasi dan sekularisasi nilai yang menyusup masuk melalui pendidikan moden, media sosial, dan interaksi silang budaya. Ini merupakan cabaran yang besar dalam menetapkan jati diri yang mantap dalam diri mereka.

Menurut Yucel dan Whyte (2023), pembentukan jati diri Muslim dalam kalangan generasi muda tidak bersifat statik, tetapi dinamik dan sentiasa dirunding semula mengikut konteks semasa. Pelajar ini cenderung membentuk identiti hibrid, di mana nilai keislaman perlu disepadukan dengan keperluan untuk berfungsi dalam ruang sekular seperti akademik, teknologi, dan kerjaya masa depan. Sebenarnya jika dilihat nilai dan akhlak Islam memainkan peranan sebagai kompas moral, namun ia mesti sentiasa diinterpretasikan dalam ruang sosial yang berubah. Maka, peranan pendidikan Islam baik formal mahupun tidak formal menjadi amat penting dalam menyokong pelajar untuk mengekalkan jati diri Muslim yang kukuh sambil tetap berkembang dalam dunia moden.

Pembentukan jati diri Muslim dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat PPB juga amat penting bagi memperkukuhkan pegangan mereka terhadap nilai-nilai Islam dan mengekalkan aspirasi menjadi individu terbaik dalam kalangan Muslim. Jati diri yang kukuh dalam setiap PPB akan mengangkat peribadi berakhlak tinggi serta menjadikan mereka sebagai contoh dan teladan kepada masyarakat. Pemupukan jati diri Muslim yang utuh adalah tanggungjawab besar pihak yang paling rapat dengan mereka, termasuk ibu bapa, pendidik, dan rakan sebaya. Melalui jati diri Muslim yang unggul, modal insan yang dihasilkan mampu mencorakkan masa depan negara secara cemerlang, bukan sahaja dari sudut pembangunan teknologi, tetapi juga melalui penyepaduan nilai murni dan akhlak. Kajian oleh Rahman dan Azzahra (2024) menyokong bahawa jati diri Muslim yang kukuh adalah penting bagi memastikan pelajar pintar dan berbakat mengekalkan nilai-nilai murni walaupun dalam era moden yang penuh mencabar.

Metodologi kajian

Kaedah Kajian

Kajian ini merupakan kajian kuantitatif yang menggunakan reka bentuk kajian tinjauan ke atas sampel kajian bagi memahami kajian berdasarkan kefahaman nilai, akhlak dan pembentukan jati diri Muslim dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat (PPB)

Peserta Kajian dan Pensampelan

Seramai 50 orang responden dipilih daripada keseluruhan populasi seramai 191 orang pelajar yang terdiri daripada pelajar-pelajar Tingkatan Empat dan Lima Kolej PERMATA@Pintar Negara UKM di kampus Bangi Selangor yang dipilih secara rawak mudah (simple random sampling). Pemilihan sampel kajian dilakukan secara persampelan berlapis (stratified sampling) bagi memastikan representasi pelajar yang seimbang berdasarkan faktor umur, jantina dan tahap pendidikan.

Instrumen Kajian

Instrumen utama dalam kajian ini ialah menggunakan set soal selidik yang dibangunkan oleh pengkaji dengan berpandukan set soal selidik yang telah digunakan oleh beberapa orang pengkaji sebelum ini. Namun, ia telah diubahsuai semula oleh pengkaji bersesuaian dengan tajuk dan skop kajian sebagaimana yang telah dicadangkan oleh pakar semasa proses kesahan instrumen dilakukan.

Prosedur Pengumpulan Data

Dalam kajian ini, kaedah pemungutan data yang digunakan adalah secara skala jawapan jenis Likert lima mata sebagai skala jawapan responden terhadap semua pernyataan yang terkandung dalam instrumen kajian. Menurut Cohen et al. (2007), Skala Likert merupakan skala yang popular sebagai indikator pengukuran terutamanya untuk mengukur pandangan responden dalam ruang tertentu secara berterusan tentang suatu amalan preskripsi dan sikap. Dalam instrumen kajian ini, responden diminta untuk memilih jawapan mereka dengan menandakan salah satu dari nombor 1 hingga 5 berdasarkan keterangan bagi nombor-nombor tersebut iaitu Sangat Tidak Setuju (1) hingga kepada Sangat Setuju (5). Seterusnya, instrumen soal selidik diuji dan diukur tahap kebolehpercayaannya sebelum diedarkan kepada responden.

Analisis Data

Data dianalisis menggunakan program SPSS (Statistic Package for the Social Science) versi terkini melibatkan statistik deskriptif. Analisis deskriptif merupakan teknik penghuraian secara menyeluruh tentang status responden kajian yang bertujuan untuk memberi gambaran awal terhadap profil subjek kajian. Statistik deskriptif yang digunakan ialah min dan sisihan piawai. Statistik deskriptif digunakan untuk mengumpul, menyusun dan mempersembahkan data supaya data yang diperoleh memberi gambaran dan maklumat yang jelas dan bermakna.

Dapatan Kajian

Jadual 1: Profile Responden Kajian

Maklumat latar belakang	Kategori	Bil. Sampel N=50	Peratus %
Jantina	Lelaki	24	48
	Perempuan	26	52
Umur	15 Tahun	4	8
	16 Tahun	21	42
	17 Tahun	25	50

Profil Responden

Jadual 1 menunjukkan taburan demografi responden kajian. Secara keseluruhan, responden kajian ini terdiri daripada 50 orang pelajar pintar dan berbakat yang sedang mengikuti pembelajaran di Pusat PERMATA@Pintar Negara, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), Kampus Bangi. Dari segi jantina, dapatan menunjukkan bahawa seramai 24 orang responden adalah pelajar lelaki (48%) manakala 26 orang responden adalah pelajar perempuan (52%). Taburan ini menunjukkan bahawa komposisi responden adalah hampir seimbang antara pelajar lelaki dan perempuan. Dari aspek umur pula, responden kajian terdiri daripada pelajar Tingkatan 4 dan Tingkatan 5 yang merangkumi tiga peringkat umur, iaitu 15, 16 dan 17 tahun. Dapatan menunjukkan bahawa majoriti responden berumur 17 tahun, iaitu seramai 25 orang (50%). Seterusnya, seramai 21 orang responden (42%) berumur 16 tahun, manakala hanya 4 orang responden (8%) berumur 15 tahun. Kehadiran responden berumur 15 tahun yang berada di Tingkatan 4 menunjukkan bahawa kemasukan pelajar ke Pusat PERMATA@Pintar Negara adalah berdasarkan tahap kecerdasan intelek dan kebolehan akademik, dan bukan semata-mata berdasarkan faktor umur seperti yang diamalkan di sekolah normal yang lain.

Jadual 2: Kefahaman Nilai Islam

Kefahaman Nilai	Min	Sisihan Piawai	Tahap Persetujuan
● Saya memahami maksud nilai dalam Islam	4.44	. 0.50	Tinggi (Setuju)
● Nilai dalam Islam berpandukan kepada Al-Quran dan Sunnah.	4.84	0.37	Tinggi (Sangat Setuju)

●Saya dapat membezakan antara nilai Islam dan nilai budaya semata-mata.	4.56	0.65	Tinggi (Sangat Setuju)
●Nilai Islam boleh diamalkan dalam semua aspek kehidupan.	4.82	0.39	Tinggi (Sangat Setuju)
●Saya boleh mengaitkan ajaran Islam dengan situasi harian saya.	4.58	0.63	Tinggi (Sangat Setuju)
●Saya sedar bahawa nilai Islam membantu membentuk jati diri sebagai Muslim.	4.92	0.29	Tinggi (Sangat Setuju)
Keseluruhan	4.69	0.47	Tinggi (Sangat Setuju)

Kefahaman Nilai Islam

Berdasarkan Jadual 2, analisis kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat menunjukkan bahawa semua item yang dikaji berada pada tahap tinggi berdasarkan interpretasi skala min yang telah ditetapkan. Item memahami maksud nilai dalam Islam mencatatkan nilai min sebanyak ($M=4.44$, $SP = 0.50$), yang ditafsirkan sebagai tahap tinggi. Kefahaman bahawa nilai Islam berpandukan kepada al-Quran dan Sunnah pula mencatatkan nilai ($M=4.84$, $SP = 0.37$), juga berada pada tahap tinggi. Seterusnya, keupayaan responden untuk membezakan antara nilai Islam dan nilai budaya menunjukkan nilai ($M= 4.56$, $SP = 0.65$), yang berada pada tahap tinggi. Item berkaitan kefahaman bahawa nilai Islam boleh diamalkan dalam semua aspek kehidupan turut mencatatkan nilai min yang tinggi, iaitu ($M=4.82$, $SP = 0.39$). Bagi item ajaran Islam mempunyai kaitan dengan situasi kehidupan seharian, nilai min yang direkodkan ialah ($M=4.58$, $SP = 0.63$), juga berada pada tahap tinggi. Item kesedaran bahawa nilai Islam berperanan dalam membentuk jati diri sebagai seorang Muslim mencatatkan nilai min tertinggi, iaitu ($M=4.92$, $SP = 0.29$), dan ditafsirkan sebagai tahap tinggi. Secara keseluruhan, nilai min keseluruhan kefahaman nilai Islam ialah ($M=4.69$, $SP = 0.47$), yang menunjukkan bahawa tahap kefahaman nilai Islam dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat berada pada tahap tinggi. Dapatan ini menggambarkan bahawa pelajar pintar dan berbakat mempunyai kefahaman nilai Islam yang kukuh dan menyeluruh.

Jadual 3: Kefahaman Akhlak

Kefahaman Akhlak	Min	Sisihan Piawai	Tahap Persetujuan
●Saya tahu perbezaan antara akhlak Mahmudah dan akhlak Mazmumah.	4.38	0.79	Tinggi (Setuju)
●Saya sentiasa cuba bersikap jujur dan amanah dalam setiap urusan.	4.38	0.69	Tinggi (Setuju)
●Saya menjaga akhlak terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan.	4.44	0.54	Tinggi (Setuju)
●Saya berusaha menghindari akhlak tercela seperti sombong dan riak.	4.54	0.63	Tinggi (sangat setuju)
●Saya mencontohi akhlak Rasulullah saw dalam kehidupan seharian.	4.16	0.92	Tinggi (Setuju)

Keseluruhan	4.38	0.71	Tinggi (Setuju)
--------------------	-------------	-------------	------------------------

Kefahaman Akhlak

Jadual 3 di atas merujuk kepada kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Hasil dapatan diukur melalui lima kategori. Pelajar menunjukkan perbezaan antara akhlak mahmudah dan akhlak mazmumah pada tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai ($M=4.38$, $SP=0.79$). Bagi kategori pelajar cuba bersikap jujur dan amanah dalam setiap urusan menunjukkan nilai ($M=4.38$, $SP=0.69$) iaitu juga tinggi tahap persetujuan. Seterusnya bagi kategori menjaga akhlak terhadap ibu bapa, guru dan rakan-rakan menunjukkan berada pada tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai ($M=4.44$, $SP=0.54$). Pelajar juga menunjukkan tahap persetujuan yang tinggi bagi kategori berusaha menghindari akhlak tercela seperti sombong dan riak dengan nilai ($M=4.54$, $SP=0.63$). Bagi kategori mencontohi akhlak Rasulullah saw berada pada tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai ($M=4.16$, $SP=0.92$). Secara keseluruhan dapatan tentang kefahaman akhlak ini dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat berada pada tahap persetujuan yang tinggi dengan nilai ($M=4.38$, $SP=0.71$).

Jadual 4: Pembentukan Jati Diri Muslim

Pembentukan Jati Diri Muslim	Min	Sisihan Piawai	Tahap Persetujuan
●Saya berbangga menjadi seorang Muslim.	4.90	0.30	Tinggi (sangat setuju)
●Saya mengamalkan ajaran Islam secara konsisten walaupun dalam tekanan akademik.	4.72	0.66	Tinggi (sangat setuju)
●Identiti saya sebagai pelajar pintar tidak menghalang saya mengamalkan Islam.	4.80	0.53	Tinggi (sangat setuju)
●Saya merujuk kepada Islam apabila membuat keputusan penting dalam hidup.	4.42	0.75	Tinggi (Setuju)
●Islam membentuk nilai diri, sikap dan cara hidup dunia dengan sempurna.	4.58	0.64	Tinggi (Sangat Setuju)
Keseluruhan	4.68	0.58	Tinggi (Sangat Setuju)

Pembentukan Jati Diri Muslim

Jadual 4 menunjukkan dapatan berkaitan pembentukan jati diri Muslim dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Secara keseluruhan, tahap pembentukan jati diri Muslim berada pada tahap tinggi dengan nilai min keseluruhan ($M=4.68$, $SP=0.58$). Bagi kategori “merasa bangga menjadi seorang Muslim”, responden menunjukkan tahap persetujuan yang sangat tinggi ($M=4.90$, $SP=0.30$). Amalan ajaran Islam secara konsisten walaupun menghadapi tekanan akademik turut mencatatkan tahap persetujuan yang tinggi ($M=4.72$, $SP=0.66$). Selain itu,

responden menunjukkan bahawa identiti sebagai pelajar pintar tidak menghalang mereka untuk mengamalkan Islam ($M = 4.80$, $SP = 0.53$). Dalam aspek membuat keputusan penting dalam kehidupan, Islam dilihat sebagai rujukan utama oleh pelajar dengan nilai min 4.42 ($SP = 0.75$). Akhir sekali, responden bersetuju bahawa Islam membentuk nilai diri, sikap, dan cara hidup secara menyeluruh dengan nilai ($M=4.68$, $SP = 0.58$). Dapatan ini menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat bukan sahaja memiliki kefahaman yang tinggi tentang nilai dan akhlak Islam, malah jati diri mereka sebagai Muslim terbentuk dengan kukuh, selari dengan prinsip Islam dalam kehidupan seharian.

Perbincangan

Berdasarkan jadual 2 analisis yang telah dijalankan oleh pengkaji mendapati bahawa kefahaman nilai daripada kalangan pelajar pintar dan berbakat berada pada persetujuan yang sangat tinggi dengan nilai min keseluruhan ($M=4.69$). Item yang paling tinggi adalah pada item pelajar merasai kesedaran di mana nilai Islam dapat membantu membentuk jati diri sebagai Muslim. Kajian ini disokong oleh Moh. Mahfud & Sofiatu Zahriyah (2024) di mana pelajar yang mempunyai kesedaran nilai-Islam dan ia diinternalisasikan boleh membentuk jati diri yang berteraskan identiti Muslim. Selain itu kajian Haron, Ramli & Jamil, (2024) turut menyatakan bahawa Nilai Islam dianggap asas kepada pembentukan moral dan identiti individu dalam persekitaran pembelajaran seterusnya memupuk keberhasilan jati diri Muslim yang baik dan menjadi contoh kepada yang lain.

Bagi hasil kajian kefahaman akhlak dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat menunjukkan hasil dapatan yang tinggi dengan nilai keseluruhan min ($M=4.38$) bagi item pelajar menyatakan persetujuan yang tinggi tentang berusaha menghindari akhlak tercela seperti sombong dan riak daripada kehidupan harian. Kajian lepas daripada (Salmah S. Hassan et al. (2024) menunjukkan bahawa tahap penghayatan akhlak yang tinggi, ada peluang lebih baik untuk pelajar menghindari akhlak tercela seperti sombong atau riak. Ini menunjukkan bahawa kefahaman kepada akhlak dapat mengelakkan diri daripada perkara yang tidak baik terutamanya berkaitan dengan tingkah laku atau akhlak.

Hasil dapatan dalam kajian ini berkenaan pembentukan jati diri Muslim melalui perspektif pelajar pintar dan berbakat boleh dilihat pada jadual 4. Secara keseluruhannya tahap persetujuan yang ditunjukkan dalam kajian ini adalah sangat tinggi dengan min keseluruhannya iaitu ($M=4.68$). Item yang paling tinggi adalah pelajar sangat setuju menyatakan bahawa saya berbangga menjadi seorang Muslim dengan nilai ($M=4.90$) jika dibandingkan dengan item lain yang ditunjukkan. Ini menunjukkan bahawa kebanggaan menjadi seorang Muslim mampu membentuk jati diri yang tinggi dalam kalangan pelajar. Perasaan bangga sebagai seorang Muslim merujuk kepada kesedaran dan keyakinan terhadap identiti keagamaan yang berasaskan akidah, nilai dan akhlak Islam, yang seterusnya mempengaruhi tingkah laku, sikap dan cara hidup individu. Menurut al-Ghazali (1998), identiti Muslim yang kukuh lahir daripada penghayatan nilai keimanan dan akhlak yang membentuk rasa *izzah* (maruah dan harga diri) sebagai seorang hamba Allah.

Seterusnya dalam konteks pendidikan kontemporari, rasa bangga terhadap identiti Islam dilihat sebagai elemen penting dalam pembentukan jati diri pelajar agar mereka tidak mudah terpengaruh dengan nilai yang bercanggah dengan ajaran Islam (Sahin, 2013; Rosnani Hashim, 2018)). Bagi pelajar pintar dan berbakat, kebanggaan terhadap identiti Islam bukan sahaja

berfungsi sebagai asas keperibadian, malah menjadi kompas moral yang membimbing mereka dalam membuat keputusan akademik, sosial dan profesional secara beretika.

Kesimpulan

Kajian ini menegaskan bahawa nilai dan akhlak Islam memainkan peranan yang sangat signifikan dalam membentuk jati diri Muslim yang seimbang, khususnya dalam kalangan pelajar pintar dan berbakat. Pembentukan jati diri Muslim bukan sahaja berteraskan keunggulan intelektual dan prestasi akademik, tetapi turut meliputi keseimbangan rohani, emosi, sosial, dan moral yang berpaksikan kepada ajaran Islam. Konsep ini selaras dengan pendekatan pembangunan insan holistik yang menjadi asas kepada falsafah pendidikan Islam, iaitu membangunkan insan yang berilmu, berakhlak, dan bertanggungjawab terhadap diri, masyarakat serta Tuhannya. Kajian Annasaii Jamar (2024) turut menyatakan bahawa pelajar yang mempunyai pengamalan nilai Islam yang lebih aktif mempunyai landasan yang lebih kuat untuk pembentukan jati diri Muslim.

Dalam konteks pelajar pintar dan berbakat, penghayatan nilai Islam seperti ikhlas, amanah, tawadhu', sabar, dan ihsan menjadi asas kepada keseimbangan diri dan kestabilan emosi. Kecemerlangan tanpa nilai dan akhlak berpotensi melahirkan sikap negatif seperti sombong, riak, dan individualistik. Oleh itu, nilai Islam berfungsi sebagai mekanisme kawalan dalaman (inner control) yang menuntun pelajar untuk menggunakan kelebihan dan kebijaksanaan mereka sebagai amanah Allah SWT, bukan sebagai kelebihan untuk bermegah. Penghayatan nilai ini memperkukuh kesedaran spiritual bahawa setiap ilmu dan kejayaan merupakan sebahagian daripada tanggungjawab ibadah dan jihad ilmu yang membawa manfaat kepada ummah.

Seterusnya, kajian yang dijalankan oleh Zakaria Z. et al. (2024) menekankan ciri-ciri seperti "Akhlaiyyah" (akhlak), "Rabbaniyyah" (ketuhanan), "Insaniyyah" (kemanusiaan) sebagai elemen utama dalam pendidikan termasuk pelajar pintar dan berbakat. Ini menunjukkan bahawa pelajar pintar dan berbakat Muslim perlu dilengkapi dengan nilai dan akhlak yang mendalam kerana melaluinya dapat melahirkan kecemerlangan intelektual yang seiring dengan nilai dan akhlak yang tinggi.

Selain itu, integrasi pendidikan nilai dan akhlak dalam sistem pembelajaran mampu memperkukuh jati diri Muslim dengan membina kefahaman diri (self-awareness), empati sosial, disiplin sendiri, dan keseimbangan emosi. Pelajar pintar dan berbakat yang diasuh dengan nilai Islam yang mantap bukan sahaja akan menjadi individu yang berilmu tinggi, tetapi juga memiliki keperibadian unggul, berjiwa besar, dan berorientasikan kesejahteraan masyarakat. Ini menepati ciri generasi Ulul Albab yang dihasratkan oleh sistem pendidikan Islam yang menggabungkan kekuatan akal dan hati dalam mengurus kehidupan berasaskan panduan wahyu. Jelaslah di sini bahawa pendidikan nilai dan akhlak menjadi teras utama kepada pembentukan jati diri Muslim yang holistik. Ini terutamanya dalam dunia yang penuh cabaran bagi mengimbangi antara nilai-nilai murni sejagat dan arus pembangunan negara yang maju. Oleh itu, pembentukan jati diri Muslim yang unggul mesti berpaksikan nilai Islam yang sahih agar kecerdasan pelajar dapat dimanfaatkan untuk kemajuan diri, masyarakat, dan ummah.

-
- Penghargaan:** Kajian ini telah mendapat sokongan daripada Pusat PERMATA@Pintar Negara UKM sebagai salah satu pusat yang menyediakan pembelajaran yang terbaik bagi pelajar pintar dan berbakat. Di sini juga saya ingin mengambil kesempatan untuk mengucapkan ribuan terima kasih kepada semua pihak yang membantu dalam menyiapkan kajian ini. Semoga ia memberi manfaat bersama terutama dalam bidang pendidikan pada masa kini dan akan datang.
- Penyataan Pembiayaan:** Kajian ini tidak menerima sebarang pembiayaan dan hanya menggunakan pembiayaan sendiri.
- Pernyataan Konflik Kepentingan:** Tiada konflik kepentingan berkaitan penerbitan kertas kerja ini. Semua penulis telah menyumbang kepada kajian ini dan telah meluluskan versi akhir manuskrip untuk penyerahan kepada International Journal of Education, Psychology and Counseling (IJEPC)
- Pernyataan Etika:** Kajian ini telah dijalankan selaras dengan piawaian etika penyelidikan. Semua prosedur yang melibatkan responden manusia telah disemak dan diluluskan oleh Pusat PERMATA@Pintar Negara UKM. Persetujuan bermaklumat telah diperoleh daripada semua responden sebelum pengumpulan data dijalankan. Penyertaan adalah secara sukarela, dan responden telah dijamin kerahsiaan serta anonimitas. Data yang dikumpulkan digunakan semata-mata bagi tujuan akademik.
- Pernyataan Sumbangan Penulis:** Semua ahli telah menyumbang idea secara signifikan terhadap pembangunan manuskrip ini. Penulis A menetapkan metodologi dan penyeliaan keseluruhan kajian. Manakala Penulis B menyediakan instrumen soal selidik serta pengumpulan dan analisis data. Seterusnya Penulis C menyediakan maklumat berkaitan susunan awal penulisan artikel ini seperti pernyataan masalah, sorotan literature dan kesimpulan terhadap kajian yang telah diperoleh. Seterusnya semua penulis telah membaca dan bersetuju untuk meluluskan versi akhir artikel ini sebelum penyerahan
-

Rujukan

Al-Quran

- Abd Rahim Abd Rashid. (2001). Nilai-Nilai Murni Dalam Pendidikan Menghadapi Perubahan dan Cabaran Alaf Baru. Kuala Lumpur: *Utusan Publications & Distributors Sdn Bhd*.
- Abdul Hatim, A. S., Sahad, M. N., & Mohamad Rasit, R. (2020). Persepsi Pelajar Terhadap Pembentukan Akhlak Melalui Penerapan Nilai Murni Dalam Aktiviti Dakwah dan Kesenian. *UMRAN: Journal of Islamic and Civilizational Studies*, 7(3), 1–15.
- Ahmad Mohd Salleh. (2008). Pengajian Agama Islam & j-QAF: Metodologi dan Pedagogi Pendidikan. Shah Alam: Oxford Fajar Sdn. Bhd.
- Al-Ghazali. (1998). *Ihya' Ulum al-Din*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Amini Amir Abdullah. (2007). Nilai, kerja kuat, kenegaraan dan patriotism. Dlm. Mohamad Hj Alias, Mohd Safar Hashim, Sapora Sipon, Arshad Hamzah & Shariffah Bahyah Syed Ahmad (pnyt.). *Koleksi Rencana Merdeka*. Hlm. 197-199. Nilai: Universiti Sains Islam Malaysia.
- Andre, B. (2020). Promoting Ethnic Identity Development While Teaching Subject Matter Content: *A Model of Ethnic Identity Exploration In Education. Teaching and Teacher Education* 87. 1-11.
- Annasaii Jamar (2020) Penghayatan Pelajar Terhadap Nilai Islam Dalam Kalangan Pelajar Malaysian Aviation Training Academy (Mata), Kuantan *Malaysian Journal of Education* Vol. 4, No. 1, 48-58.
- Azhar Hj. Wahid & Zawawi Jahya. (2009). Pendidikan Pembangunan Modal Insan. Tanjung Malim: Penerbit Universiti Pendidikan Sultan Idris.
- Cohen, L., Manion, L., & Morrison, K. (2007). *Research Methods in Education* (6th Ed.). London & New York: Routledge Falmer.
- Ghazali Darusalam. (2004). Pedagogi pendidikan Islam. Kuala Lumpur: Utusan Publications & Distributors Sdn. Bhd.
- Haron, Ramli & Jamil, (2024) Values In An Islamic University In Malaysia: Analysis From Western And Islamic Perspectives. *The Journal of Muamalat and Islamic Finance Research* Vol. 19, No. 1, Pp. 86-105.
- Husin, P. (2011). Akhlak Berasal Daripada *Khuluq* Yang Bermaksud Peribadi Semula Jadi, Watak Atau Tabiat Menurut Kamus Lisan Al-Arab. *Bitara Journal*.
- Ibn Miskawayh. (1968). *Tahdhib al-Akhlaq*. Beirut: Dar al-Kutub al-'Ilmiyyah.
- Langgulong, Hasan. (1991) Pendidikan Islam Menghadapi Abad Ke 21. Hizbi.
- Lassoued, Z. (2025). Promoting Moral Values and Improving Academic Achievement. *Sustainability*, 17(24), 10925.
- Mahfud, Moh. & Zahriyah, Sofiatu. (2025). Internalizing Islamic Values in Students: The Role of Character Education in Building Morals and Ethics. *MA'ALIM: Jurnal Pendidikan Islam*, 6(1), 93–105.
- Mohamad Khairi Othman. (2013). Penerapan Nilai Murni Dalam Pengajaran Dan Hubungannya Dengan Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. Tesis *Dr. Falsafah*, Universiti Putra Malaysia.
- Mohd Khairi Shafie & Mohd Khairi Othman. (2016). Kefahaman dan Pengamalan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar Politeknik Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah. *International Seminar on Generating Knowledge Through Research*, UUM-UMSIDA. Universiti Utara Malaysia.
- Mohd Ridhuan. (2007). Pembentukan Jati Diri Muslim Dalam Konteks Malaysia. *Jurnal Hadhari*, 1(2), 37–56.
- Mohd Saiful Akmal Karim, Ahmad Sunawari & Faudzinain Badaruddin, (2025), Konsep

- Pendidikan Akhlak dan Ciri-ciri Keistimewaanya dalam Islam, *BITARA International Journal of Civilizational Studies and Human Sciences*, Volume 4, Issue 1, 2021.
- Nasaruddin Desa, Tengku Intan Zarina & Sabri Mohamad. (2018). Menangani akhlak masa Kini menurut Islam. *Jurnal al-Thurath* 3(1): 55-63.
- Nik Azis Nik Pa. (2007). Konsepsi tentang cabaran dan isu kritikal dalam Pendidikan Islam. Dlm. Nik Azis Nik Pa, Rahimi Md. Saad & Ahmad Zabidi Abd. Razak (edior). Isu-isu Kritikal dalam Pendidikan Islam dan Pendidikan Bahasa Arab Berteraskan Pendekatan Islam Hadhari (halaman1-33). Putrajaya: Yayasan Islam Hadhari.
- Othman, M. K. H., Suhid, A., & Roslan, S. (2015). Penghayatan Nilai Murni Dalam Kalangan Pelajar Sekolah Menengah. *Jurnal Pembangunan Sosial*, 18, 1–20.
- Rahman, N. A., & Azzahra, A. (2024). The Role of Islamic Education In Preserving Cultural Identity Amidst Global Modernity. *Sinergi International Journal of Islamic Studies*, 2(4), 257–271.
- Rosnani Hashim. (2018). Education, ethics and identity: An Islamic perspective. Kuala Lumpur: IIUM Press.
- Sabaryah @ Sabariah Binti Shafiee, et al. (2013). Pembentukan Jati Diri Bangsa Malaysia Melalui Bahasa Melayu (*kerja kursus*, 30 halaman). Universiti Putra Malaysia.
- Sahin, A. (2013). New directions in Islamic education: Pedagogy and identity formation. Markfield: Kube Publishing.
- Salmah S. Hassan and Norsimah Dasan and Issraq Ramli (2024) Penghayatan Akhlak Dalam Kalangan Pelajar KAA di Kota Kinabalu, Sabah: Suatu Analisis Deskriptif. *International Journal of Education, Psychology and Counselling* (IJEPC), 9. pp. 1-13.
- Shukri Ahmad. (2002). Konsep Tamadun dan Ciri-Ciri ke arah pembangunan. Dlm. Wan Ab. Rahman Khudzri Wan Abdullah, Munif Zarirruddin Fikri Nordin & Solahuddin Ismail 139 (pnyt.). *Tamadun Islam Suatu Sorotan*, hlm. 1-17. PTS Publication & Distributor Sdn. Bhd. Terbitan pertama 2002. Pahang Darul Makmur.
- Stapa, Z., Ismail, A. M. & Yusuf, N. (2012). Faktor Persekitaran Sosial Dan Hubungannya Dengan Pembentukan Jati Diri. *Jurnal Hadhari Special Edition*. 155-172.
- Tajul Ariffin Noordin. (1993). Perspektif Falsafah dan Pendidikan di Malaysia. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Tajul Ariffin Noordin & Nor ‘Aini Dan. (2002). Pendidikan dan Pembangunan Manusia: Pendekatan Bersepadu. Bandar Baru Bangi: As-Syabab Media.
- Tamuri, A. H., & Ismail, A. M. (2021). Faktor-Faktor Sosial dan Amalan Akhlak Dalam Kalangan Murid-Murid Sekolah-Sekolah Menengah Di Malaysia. *E-Jurnal Penyelidikan Dan Inovasi*, 87-111.
- Yucel, E., & Whyte, S. (2023). Dynamic Formation of Muslim Identity among Youth In Contemporary Societies. *Journal of Islamic Studies*, 20(3), 201–219.
- Zaiton Mohamad. (2012). Pembentukan jati diri sejak awal kehidupan. *Dalam Wacana Pengajian dan Peradaban Islam* (hlm. 17). Universiti Islam Sultan Sharif Ali.
- Zakaria, Z. et al. (2024). RAAIS Character Ethic Framework: Integrating the Civilisational Values and Principles in the Islamic Gifted Education Model. *‘Abqari Journal*. 31, 48–67.